



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN
BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN TAHUN 2019**

**10 OKTOBER 2019, KHAMIS
DEWAN PUTRA A, PICC**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis pelancaran **Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 Dan Konvensyen Kaunseling Kebangsaan: 'Kaunselor dan Komuniti'** pada petang ini.
2. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Amalan Kaunselor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Kaunselor dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan Bulan

Kaunseling Kebangsaan 2019 ini dan menjadikannya satu realiti.

3. Tema Bulan Kaunseling Kebangsaan pada tahun ini ialah “**Membawa Perkhidmatan Kaunseling Kepada Komuniti**”.
4. Tema ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan akses komuniti kepada perkhidmatan kaunseling dan memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kewujudan kaunselor dan kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional dalam komuniti.
5. Kita mahukan supaya perkhidmatan kaunseling ini sampai kepada rakyat, lebih-lebih lagi kepada mereka yang memerlukannya.

PERANAN KAUNSELOR DAN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM KOMUNITI

Hadirin-hadirat yang dimulihkan,

6. Saya melihat kaunselor dan perkhidmatan kaunseling sebagai satu keperluan yang penting kepada masyarakat dan berharap agar perkhidmatan kaunseling dapat dipertingkatkan dan digunakan secara optimum oleh masyarakat.
7. Bagi memastikan perkara ini dicapai, kita perlu mengubah stigma terhadap perkhidmatan kaunseling.
8. Buat masa ini mungkin masyarakat belum benar-benar memahami fungsi dan peranan sebenar kaunseling dalam membawa transformasi kepada masyarakat.
9. Perkembangan dan pembangunan pesat negara dan revolusi industri 4.0 (IR4.0) dilihat akan terus memberikan cabaran kepada komuniti dari sudut

kesihatan mental dan psikologi.

10. Peningkatan krisis komuniti yang berlaku seperti penderaan kanak-kanak, keganasan rumah tangga, pengabaian orang tua, pembuangan bayi, pedofilia dan sebagainya, memberikan kesan dan menjejaskan kesejahteraan masyarakat.
11. Baru-baru ini kita digemparkan dengan berita penahanan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang disyaki merogol budak perempuan berumur empat tahun yang diasuh ibunya di rumah mereka.
12. Hasil siasatan mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu akibat terpengaruh selepas menonton video lucah di dalam telefon bimbit.
13. Kejadian seperti ini adalah amat mendukacitakan.
14. Isu sebegini memerlukan intervensi sosial selain daripada tindakan undang-undang yang perlu diambil.

15. Di sinilah peranan kaunselor diperlukan dalam menguruskan kes sebegini.
16. Seseorang kaunselor itu perlu terlatih dalam bidang kaunseling dan berkemahiran seperti kemahiran **mendengar, empati dan refleksi yang tinggi** dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang lebih **berkesan, profesional dan seterusnya membina keyakinan klien** terhadap kaunselor.
17. Hasil daripada intervensi dan perancangan yang dijalankan oleh kaunselor seharusnya berupaya memulihkan individu untuk kembali menyertai masyarakat sekeliling dalam kehidupan seharian.
18. Di kesempatan ini saya ingin berpesan kepada semua kaunselor agar menjaga kesejahteraan diri daripada segi psikologikal, emosi dan fizikal.

KOMPETENSI KAUNSELOR

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

19. Setiap kaunselor perlu berdaftar sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
20. Sehingga 31 Ogos 2019, terdapat 8,773 orang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor.
21. Ini bermakna, pada masa ini, terdapat 1 orang kaunselor berdaftar bagi setiap 3,716 orang penduduk.
22. Jurang nisbah ini masih terlalu besar berbanding bilangan kaunselor, untuk mendepani masalah sosial yang semakin kompleks pada hari ini dengan berkesan.

23. Sebagai contoh, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, setiap tahun dianggarkan 800,000 orang di seluruh dunia meninggal dunia akibat bunuh diri. Iaitu satu kematian dalam setiap 40 saat.
24. Ianya merupakan penyebab kematian yang kedua tertinggi yang dicatat daripada statistik kematian remaja yang berumur 15-29 tahun di seluruh dunia.
25. Mengikut Kajian Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan 2017 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyasarkan skop kesihatan remaja menunjukkan bahawa perasaan cemas (39.7%) diikuti oleh depresi (18.3%) dan stress (9.6%) adalah antara tiga penyakit mental utama di kalangan remaja di sekolah.
26. Berdasarkan statistik tersebut, perkhidmatan kaunseling perlu bermula di peringkat awal lagi, iaitu intervensi di peringkat pelajar sekolah dan intervensi di

rumah oleh ibu bapa.

27. Sehubungan itu, ibu bapa, ahli keluarga, guru-guru dan rakan-rakan yang lebih dewasa memainkan peranan penting untuk sama-sama membantu mengenalpasti remaja yang memerlukan perkhidmatan kaunseling.
28. Kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang paling penting dalam kaunseling.
29. Dengan ini, ibu bapa dapat menyelami perasaan anak-anak mereka dengan lebih mendalam.
30. Oleh itu, kajian dalam bidang kaunseling yang bersifat *impactful* dan terkini diperlukan, agar intervensi yang akan dilaksanakan nanti relevan dengan permasalahan kompleks masa kini.

PSYCHOLOGICAL SUPPORT TEAM (PST)

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

31. Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan inisiatif penubuhan ***Psychological Support Team (PST)*** bermula pada tahun 2016.
32. PST ini merupakan inisiatif untuk menyampai dan menyebarkan perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling kepada komuniti dan merupakan inovasi sosial dalam perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling.
33. Ahli PST terdiri daripada sukarelawan profesional iaitu kaunselor berdaftar atau individu yang mempunyai kelayakan akademik berkaitan dan perlu berdaftar dengan Bahagian Psikologi dan Kaunseling, JKJ.
34. Keahlian PST sehingga 31 Ogos 2019 adalah seramai 1,037 orang.

35. Saya menyeru supaya lebih ramai profesional yang berkelayakan agar berdaftar sebagai ahli PST untuk meneruskan usaha murni menyampaikan perkhidmatan kaunseling kepada mereka yang memerlukan.

LAY KAUNSELOR

36. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga telah **mewujudkan Lay Kaunselor** dalam komuniti.
37. **Terma pemilihan Lay Kaunselor merujuk kepada sistem sokongan sosial yang lazimnya dilakukan dalam situasi yang tidak formal atau santai dalam bentuk sesi bimbingan khususnya dalam komuniti.**

38. **Lay Kaunselor tidak terikat dengan penguatkuasaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) kerana mereka tidak mengendalikan “*counselling per se*” dan hanya mengendalikan sesi bimbingan sahaja.**
39. **Lay Kaunselor ini adalah orang barisan hadapan yang berperanan untuk membantu mendengar masalah dan memberikan sokongan emosi kepada rakan dalam komuniti.**
40. **Lay kaunselor ini sangat signifikan dengan pembimbing rakan sebaya atau Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dalam organisasi.**
41. **Sehingga 31 Julai 2019, seramai 9,115 Lay Kaunselor telah diberikan latihan.**

42. Saya yakin dengan adanya inisiatif sebegini, ia akan membantu Komuniti dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang terbaik dalam mengatasi permasalahan seharian mereka.

PENUTUP

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

43. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada petang ini, saya berharap agar penganjuran Bulan Kaunseling Kebangsaan memberi manfaat bukan sahaja kepada kaunselor itu sendiri, malah berupaya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat kepada kepentingan kaunseling sebagai kaedah intervensi yang membantu meningkatkan kesejahteraan individu dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

44. Perkhidmatan ini hendaklah diberikan kepada semua lapisan masyarakat, lebih-lebih lagi kepada kumpulan rentan (Vulnerable Group) yang memerlukannya.

45. INI BULAN KITA, JOM JADIKAN IA SATU KENYATAAN.

46. Seterusnya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019.

Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.